

14 AUG 2002

Polis-Bunyamin

POLIS GAGAL DAPAT KETERANGAN BUNYAMIN BERHUBUNG ISU FITNAH PM

KOTA BAHARU, 14 Ogos (Bernama) -- Polis gagal mendapatkan keterangan seorang penceramah PAS Kelantan, Bunyamin Yaakob yang menuduh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah melihat video lucu bersama cucunya.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Kelantan, ACP Abdul Rahim Jani berkata polis telah cuba menghubungi Bunyamin di dua kediamannya di Bachok tetapi penceramah itu didapati tidak pulang ke rumahnya.

"Polis juga sudah cuba mengesan Bunyamin di sekitar Kelantan tetapi masih gagal dan kita telah meminta bantuan PAS di Kelantan dan Kedah bagi mengesan beliau," katanya pada sidang media di pejabatnya di sini, hari ini.

Bunyamin, 56, yang juga bekas anggota Parlimen Bachok, semasa berceramah pada 15 Mac lepas di Pusat Tarbiyah Islamiah Kelantan (Putik) di Pengkalan Chepa, di sini mendakwa Dr Mahathir dan cucunya telah menonton video lucu.

Petikan ceramahnya itu telah disiarkan oleh Radio Televisyen Malaysia baru-baru ini dan susulan daripada itu, tiga aduan polis telah dibuat di Kuala Terengganu, Pasir Mas (Kelantan) dan di Baling, Kedah.

Susulan itu, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meminta polis segera menyiasat dakwaan Bunyamin itu yang disifatkan sebagai fitnah untuk memburukkan Dr Mahathir dan kerajaan.

Abdul Rahim berkata polis tidak mahu menggunakan akta yang ada bagi mengambil tindakan undang-undang terhadap Bunyamin itu, sebaliknya meminta beliau berkerjasama dengan memberi keterangan.

Beliau juga meminta kerjasama masyarakat menghubungi Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kelantan jika mempunyai maklumat mengenai Bunyamin.

Menurutnya polis telah memulakan siasatan bermula 13 Julai lepas dan sehingga kini seramai 18 saksi dari seluruh negara telah dipanggil untuk memberikan keterangan.

Antara saksi itu termasuk wartawan media cetak dan penyiaran dan beberapa individu yang mempunyai kaitan dengan kes tersebut.

"Selain itu, polis juga telah merampas beberapa keping video cakera padat dan VHS dari pihak-pihak tertentu di Kuala Lumpur untuk membantu siasatan kes ini," katanya

Katanya polis juga akan mendapatkan ucapan Bunyamin itu yang dikatakan disiarkan di laman web seliaan PAS iaitu Harakahdaily.net.

Beliau berkata polis juga akan memanggil empat lagi individu untuk memberi keterangan, termasuk Bunyamin.

Abdul Rahim berkata polis yakin tidak akan menghadapi masalah untuk menyelesaikan kes itu dan berharap Bunyamin dapat memberikan keterangan segera.

Menurutnya kes itu disiasat mengikut Seksyen 4 (1) (b) Akta Hasutan yang jika sabit kesalahan boleh dikenakan penjara tidak lebih lima tahun atau denda atau kedua-dua sekali.

-- BERNAMA

ZI RAR LAT